

**PERLEMBAGAAN BAGI
PERTUBUHAN INDUK**
KELAB KEBAJIKAN JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH PAHANG (KEJAP)
(PPM-020-06-19062019)

FASAL 1 NAMA

(1) Pertubuhan ini dikenali dengan nama

KELAB KEBAJIKAN JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH PAHANG (KEJAP)

Selepas ini disebut "**Pertubuhan**".

(2) Takrif Nama : **Kelab Kebajikan Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang (KEJAP)**

(3) Taraf Pertubuhan : **Negeri**

FASAL 2 TEMPAT URUSAN

1. Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan ialah

**JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH PAHANG, TINGKAT 1, BANGUNAN
PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH KUANTAN, JALAN MASJID
25000 KUANTAN
PAHANG**

dan alamat untuk surat-menyerat adalah

**JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH PAHANG, TINGKAT 1, BANGUNAN
PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH KUANTAN, JALAN MASJID
25000 KUANTAN
PAHANG**

atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa;

2. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT

- 1) Menjaga kebajikan ahli pertubuhan.
- 2) Mempereratkan hubungan antara ahli-ahli pertubuhan melalui aktiviti sosial, sukan dan rekreasi.

- 3) Meningkatkan kualiti hidup warga Kelab Kebajikan Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang.
- 4) Menjaga kebajikan ahli-ahli pertubuhan dengan syarat tiada faedah sebagaimana yang ditakrifkan dalam Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1996.
- 5) Menganjurkan aktiviti melibatkan masyarakat.

FASAL 4 KEAHLIAN

- 1) Keahlian pertubuhan ini adalah secara automatik bagi setiap kakitangan tetap, kontrak dan sambilan yang berkhidmat di Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang dan tanggungjawab serta kelayakan ahli juga berkuatkuasa serta merta.
- 2) Ahli yang bertukar ke Jabatan / Agensi lain secara automatik terkeluar dari ahli pertubuhan dan terlucut segala jawatan yang disandang serta merta.
- 3) Tiada Had bilangan ahli pertubuhan.

FASAL 5 PERBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

Ahli yang bertukar keluar dari Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang secara automatik telah berhenti menjadi ahli dan tidak boleh membuat apa-apa tuntutan terhadap pertubuhan.

FASAL 6 SUMBER KEWANGAN

- 1) Yuran pendaftaran keahlian sebanyak RM20.00.
- 2) Yuran bulanan ahli bagi semua gred sebanyak RM10.00.
- 3) Sumbangan dari badan-badan atau syarikat tertentu.
- 4) Meraih keuntungan dari program-program yang dianjurkan oleh pertubuhan.
- 5) Mewujudkan barang saguhati pertubuhan untuk dijual kepada umum dengan hasil keuntungan jualan.
- 6) Pertubuhan boleh memiliki, memajak dan menggadai tanah atau bangunan.

FASAL 7 MESYUARAT AGUNG

- 1) Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan hendaklah diadakan setahun sekali dan bilangan ahli yang menghadiri mesyuarat ini hendaklah melebihi 50% dari jumlah

keseluruhan ahli atau dua kali jumlah jawatankuasa, ikut mana yang kurang hendaklah hadir di dalam mesyuarat agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi bilangan (korum) untuk mesyuarat.

- 2) Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lebih daripada 30 hari) yang ditetapkan oleh jawatankuasa; dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa mengubah undang-undang Pertubuhan dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli.
- 3) Notis mengenai mesyuarat ini akan dikeluarkan sekurang-kurangnya satu (1) minggu sebelum tarikh tersebut.
- 4) Satu laporan tahunan hendaklah disediakan oleh Jawatankuasa pertubuhan yang mengandungi:-
 - a) Laporan aktiviti sepanjang tahun.
 - b) Laporan penyata kewangan dan penyata wang yang diauditkan
- 5) Mesyuarat hendaklah:-
 - a) Membentangkan Laporan Tahunan pertubuhan
 - b) Membubarkan Jawatankuasa dalam tempoh dua (2) tahun sekali
 - c) Melantik Jawatankuasa baru dalam tempoh dua (2) tahun sekali
 - d) Membincangkan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat.
- 6) Mesyuarat Agung Tahunan bagi pertubuhan hendaklah diadakan setelah berakhirnya tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 31hb-Mac pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.
- 7) Mesyuarat Agung Luar Biasa diadakan sekiranya :
 - a) Permintaan ahli yang melebihi 50% untuk diadakan mesyuarat; atau
 - b) Di atas permintaan Pengerusi
- 8) Keputusan Mesyuarat Agung/Luar Biasa akan dibuat secara majoriti dan setiap keputusan adalah muktamad.
- 9) Ahli-ahli hendaklah dikehendaki menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan. Ahli-ahli yang gagal berbuat demikian adalah dianggap bersetuju memberi kuasa di atas segala keputusan mesyuarat.
- 10) Perlantikan bagi ahli yang tidak hadir sebagai Ahli Jawatankuasa Pertubuhan boleh dilakukan dengan persetujuan ahli secara bertulis sebelum mesyuarat.

FASAL 8 JAWATANKUASA

- 1) Pertubuhan ini akan dikendalikan oleh satu jawatankuasa yang terdiri daripada :
 - a) Pengerusi

- b) Naib Pengerusi
- c) Setiausaha
- d) Penolong Setiausaha
- e) Bendahari
- f) Ahli Jawatankuasa seramai 4 orang
- g) Dua orang juruaudit

Setiausaha, Penolong Setiausaha dan Bendahari adalah dilantik oleh Pengerusi dari kalangan ahli atau dari kalangan Ahli Jawatankuasa Biasa yang telah dilantik dalam Mesyuarat Agung atau secara undian sulit bagi mengisi kekosongan jawatan.

- 2) Penyandang-penyalang jawatan hendaklah terdiri daripada anggota pertubuhan. Pemilihan hendaklah dibuat secara undi majoriti.
- 3) Nama-nama untuk jawatan-jawatan di atas hendaklah dicadangkan serta disokong dan pemilihan akan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Semua pegawai boleh dipilih semula di dalam Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa.
- 4) Tugas ahli Jawatankuasa ialah mengelola dan mengatur kerja-kerja harian Pertubuhan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan pertubuhan dengan tidak terkeluar daripada dasar umum yang ditetapkan oleh Mesyuarat Agung. Jawatankuasa seharusnya tidaklah boleh membuat tindakan bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa mestilah sentiasa taat kepada keputusan Mesyuarat Agung. Jawatankuasa hendaklah memberi laporan berkenaan kegiatannya dalam tahun lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan.
- 5) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-sekurangnya sekali di dalam 3 bulan. Pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli-ahli 3 hari terlebih dahulu. Pengerusi dengan bersendirian atau tidak kurang daripada 4 orang ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.
- 6) Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha bolehlah mendapatkan kelulusan daripada ahli-ahli jawatankuasa secara pengedaran surat pekeliling. Syarat-syarat mengenainya seperti berikut mestilah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa:
 - a. Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang di dalam surat pekeliling yang diedarkan kepada tiap-tiap ahli Jawatankuasa
 - b. Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka terhadap itu; dan
 - c. Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak. Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha kepada mesyuarat Jawatankuasa berikutnya untuk disahkan dan dicatitkan dalam minit.

surat pekeliling.

7) Ahli Jawatankuasa yang mungkir menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan.

8) Jika seorang ahli Jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatan, calon yang kedua mendapat undi terbanyak di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka berkuasalah Jawatankuasa melantik ahli yang lain memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.

9) Jika jawatan Pengerusi dikosongkan, Naib Pengerusi hendaklah secara automatik memegang jawatan tersebut sehingga Mesyuarat Agung Luar biasa diadakan dalam masa 30 hari bermula dari tarikh jawatan dikosongkan.

10) Mana-mana anggota Jawatankuasa lama boleh dicalonkan semula untuk bertanding dalam pemilihan jawatankuasa baru.

11) Jawatankuasa boleh memberi arahan kepada Setiausaha dan pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan Pertubuhan, dan melantik pengurus yang difikirkan mustahak. Ia boleh menggantungkan atau melucutkan jawatan pengurus jika berlaku kecuaian di dalam pekerjaan, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Jawatankuasa, atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan Pertubuhan.

12) Jawatankuasa boleh menubuhkan Jawatankuasa kecil jika difikirkan mustahak dan memberikan kewajipan khas kepada sebarang ahli Jawatankuasa.

13) Jawatankuasa yang lama hendaklah menyerahkan semua dokumen Pertubuhan seperti sijil pendaftaran, perlumbagaan berdaftar, salinan Penyata Tahunan, suratsurat maklumbalas, buku-buku akaun, buku bank, cek dan resit, geran-geran tanah, senarai aset dan sebagainya kepada Jawatankuasa baru.

FASAL 9 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

1) Pengerusi, dalam masa menyandang jawatannya, hendaklah menjadi pengerusi semua mesyuarat agung dan semua mesyuarat jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani peringatan mesyuarat bila telah diluluskan. Ia hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Setiausaha atau Bendahari.

2) Naib Pengerusi hendaklah memangku Jawatan Pengerusi semasa ketiadaannya.

3) Setiausaha hendaklah menjalankan kerja pentadbiran Pertubuhan mengikut

undang-undang dan hendaklah ia menjalankan perintah Mesyuarat Agung dan Jawatankuasa. Ia bertanggungjawab menguruskan hal-hal surat menyurat dan menyimpan semua buku, surat dan kertas kecuali kira-kira dan buku-buku kewangan. Setiausaha hendaklah menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi butir-butir seperti nama, tempat dan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan, dan alamat rumah tiap-tiap ahli. Ia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan mesyuarat. Ia hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Pengerusi atau Bendahari. Setiausaha hendaklah dalam masa 60 hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan mengirim penyata tahunan Pertubuhan kepada Pendaftar Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 14 (1) Akta Pertubuhan 1966.

- 4) Penolong Setiausaha hendaklah menolong Setiausaha menjalankan kerja-kerjanya dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha.
- 5) Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan pertubuhan. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab ke atas kebetulannya. Ia hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Pengerusi atau Setiausaha.
- 6) Ahli Jawatankuasa hendaklah menjalankan tugas yang diarahkan oleh Pengerusi.

FASAL 10 KEWANGAN

- 1) Disyaratkan kepada peruntukan-peruntukan yang berikut bagi undang-undang ini, wang Pertubuhan ini boleh digunakan untuk perkara-perkara yang berfaedah bagi menjalankannya tujuan-tujuan Pertubuhan, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai dan kakitangan yang bergaji, dan upah memeriksa kira-kira, tetapi walaubagaimanapun tidaklah boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman di mahkamah.
- 2) Bendahari dibolehkan untuk menyimpan wang runcit tidak melebihi RM1000.00 pada sesuatu masa. Wang yang lebih dari jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa. Kira-kira bank itu mestilah atas nama Pertubuhan.
- 3) Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari kira-kira pertubuhan hendaklah ditandatangani bersama oleh Pengerusi, Setiausaha atau Bendahari.
- 4) Perbelanjaan yang lebih daripada RM5001.00 sehingga kurang daripada RM10,000.00 bagi sesuatu masa, selain dari yang telah ditetapkan di dalam Undang-Undang pertubuhan tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa dan Perbelanjaan yang lebih daripada RM10,001.00 selain dari yang telah ditetapkan di dalam Undang-Undang pertubuhan bagi sesuatu bulan tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran Mesyuarat Agung terlebih dahulu. Perbelanjaan yang kurang daripada RM 5000.00 bagi sesuatu masa bolehlah diluluskan oleh Pengerusi bersama Setiausaha dan Bendahari.

- 5) Penyata daripada wang yang diterima dan dibelanjakan beserta timbangan kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Juruaudit, dengan seberapa segera setelah tamat tahun kewangan. Penyata kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk kelulusan mesyuarat Agung tahunan yang berikutnya, dan salinan-salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di alamat berdaftar atau di tempat mesyuarat bagi pertubuhan.
- 6) Tahun Kewangan pertubuhan ini bermula dari 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

FASAL 11 JURUAUDIT

- 1) Dua orang bukannya jawatankuasa boleh dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai juruaudit pertubuhan. Mereka akan memegang jawatan selama dua tahun dan boleh dilantik semula.
- 2) Juruaudit adalah dikehendaki memeriksa kira-kira pertubuhan bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Mesyuarat Agung Tahunan. Mereka juga harus dikehendaki pada bila-bila masa oleh Pengerusi mengaudit kira-kira pertubuhan bagi mana-mana masa di dalam tempoh jawatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.

FASAL 12 PENTADBIR HARTA / PEMEGANG AMANAH

- 1) Bendahari yang dilantik oleh Pengerusi secara automatik menjadi pentadbir harta.
- 2) Dua orang dari Ahli Jawatankuasa yang dilantik juga berhak dan layak untuk menjadi salah seorang pentadbir harta.
- 3) Perlantikan Pentadbir harta hendaklah dilakukan secara undian majoriti ahli jawatankuasa.
- 4) Perlantikan tersebut berkuatkuasa selama 2 tahun sebelum dibuat undian semula.

FASAL 13 TAFSIRAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN

- 1) Di antara Mesyuarat-mesyuarat Agung, Jawatankuasa boleh memberikan tafsirannya kepada undang-undang ini dan Jawatankuasa bila mustahak memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini.
- 2) Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat di dalam Mesyuarat Agung, keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan Mesyuarat Agung.

FASAL 14 PENASIHAT / PENAUNG

- 1) Ketua Pendakwa Syarie secara automatik menjadi Penasihat Pertubuhan.
- 2) Pengurus bertanggungjawab menggalas tugas sebagai Penasihat / Penaung sekiranya jawatan Ketua Pendakwa Syarie kosong.
- 3) Penasihat / Penaung tidak boleh membuat apa-apa keputusan melainkan mendapat kelulusan Pengurus pertubuhan.
- 4) Penasihat / Penaung bertindak untuk memberi buah fikiran dan idea serta cadangan untuk penambah baikkan Pertubuhan.

FASAL 15 LARANGAN

- 1) Segala jenis permainan berunsur perjudian tidak boleh dimainkan dalam premis pertubuhan.
- 2) Pertubuhan atau ahli-ahli tidak boleh mencuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang atau mengambil peranan dalam gerakan persatuan sekerja seperti yang diterangkan di dalam Ordinan Kesatuan Sekerja 1959.
- 3) Pertubuhan ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama Pertubuhan atau pegawai-pegawaiannya atau Jawatankuasa atau ahli tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan.
- 4) Faedah-faedah seperti yang diterangkan di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966 tidak boleh diberi oleh Pertubuhan kepada mana-mana ahli Pertubuhan ini.

FASAL 16 PINDAAN PERLEMBAGAAN

Undang-undang ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung. Permohonan untuk perubahan-perubahan atau pindaan-pindaan kepada undang-undang hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari dari tarikh keputusan hendak membuat perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dijalankan kuatkuasanya mulai daripada tarikh perubahan-perubahan dan pindaan-pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

FASAL 17 PEMBUBARAN

- 1) Pertubuhan ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga per lima jumlah semua ahli-ahli yang layak mengundi.
- 2) Sekiranya Pertubuhan hendak dibubarkan secara yang disebut di atas maka segala hutang dan tanggungjawab Pertubuhan yang sah mengikut undang-undang

hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujukan dalam Mesyuarat Agung.

3) Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan di dalam masa 14 hari dari tarikh pembubaran itu.

FASAL 18 BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA

1. Bendera

-
- Keterangan
-

2. Lambang



Keterangan

Kuning - melambangkan keharmonian sesama ahli
Hijau - melambangkan kesatuan semua ahli
Biru - melambangkan kebijakan dijaga sesama ahli
5 bucu - melambangkan 5 Rukun Islam dan Rukun Negara

3. Lencana

-
- Keterangan
-